

NEWSPAPER CLIPPING

Media Organisation :	Kasmo!
Date :	13/11/2015

Projek MRT beri banyak manfaat kepada ekonomi negara



NAJIB (kanan) menyaksikan papan tanda destinasi perhentian stesen MRT sambil diperhatikan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa (kiri) yang juga Pengerusi MRT Corp dan Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat, Tan Sri Sr. Syed Hamid Albar (dua dari kiri) di Depoh MRT Sungai Buloh kelmarin.

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak meluangkan masa meninjau perkembangan projek Mass Rapid Transit (MRT) di Depoh MRT Sungai Buloh, Selangor kelmarin.

Najib berkata, MRT kini memiliki 19 buah tren dan akan menerima 35 buah tren lagi menjelang pertengahan tahun depan.

"Projek MRT membawa banyak memanfaatkan ekonomi negara dan rakyat memandangkan sebahagian besar daripada projek ini melibatkan syarikat tempatan. Selain itu, projek ini membawa kepada pemindahan teknologi serta kemahiran yang akan meningkatkan keupayaan kita dalam pembinaan pengangkutan awam," katanya di laman Facebook beliau semalam.

Menurut Najib, projek tersebut telah mewujudkan peluang pekerjaan yang berpendapatan dan kemahiran tinggi kepada rakyat.

"Pengalaman yang diperoleh daripada pembinaan projek ini akan membolehkan

syarikat tempatan menjayakan projek pengangkutan yang serupa di dalam dan luar negara pada masa depan," katanya.

Ia merupakan lawatan pertamanya ke depot berkenaan dan lawatan keempat beliau ke projek MRT Lembah Klang.

Pada lawatan kali ini, beliau dibawa ke Bengkel Penyelenggaraan Stok Kereta Api untuk melihat tren MRT yang siap dipasang sepenuhnya dan diuji.

Sementara itu, beliau berkata, pemilihan Malaysia menduduki kerusi Lembaga Eksekutif Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi penggal 2015-2019 merupakan pengiktirafan terhadap kemajuan yang dicapai negara ini dalam bidang pendidikan, sains dan kebudayaan.

Malaysia dipilih menduduki kerusi lembaga eksekutif badan dunia itu bagi penggal 2015-2019 apabila mendapat jumlah undi tertinggi dalam kalangan negara Asia Pasifik pada 11 November lalu di Paris, Perancis.